

B521

MAHATHIR - TENTERA

1981

KUALA LUMPUR, DIS. 3 (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BETAPA PERLUNYA ANGKATAN TENTERA MEMPUNYAI DAYA PENGURUSAN YANG CEKAP DAN BERKESAN BAGI MENGELAKKAN BERLAKUNYA SEBARANG PEMBAZIRAN.

PERDANA MENTERI MENGANGGAP KEPERLUAN INI SEBAGAI AMAT WAJIB MEMANDANGKAN RANCANGAN KERAJAAN BUKAN SAJA UNTUK MEMPERBESARKAN ANGKATAN TENTERA MALAH JUGA UNTUK MELENGKAPKANNYA DENGAN PERALATAN SENJATA YANG LEBIH KEMASKINI DAN SOFISTIKATED.

OLEH ITU, TEGASNYA, PERUNTUKAN YANG TELAH DISEDIAKAN BAGI URUSAN PERTAHANAN HENDAKLAH DIGUNAKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA DAN DENGAN CARA YANG PALING BERKESAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN BERKATA DENGAN WJUDNYA DAYA PENGURUSAN YANG CEKAP DAN BERKESAN, URUSAN PEMBEKALAN KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN UNTUK ANGKATAN TENTERA AKAN DAPAT DIJALANKAN SECARA MAKSIMA.

+PENGURUSAN YANG BAIK JUGA AKAN DAPAT MENJAMIN PERLAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN YANG MELIBATKAN KEBAJIKAN PARA ANGGOTA TENTERA KITA DAN KELUARGA MEREKA+, TAMBAHNYA.

BELIAU BERUCAP DI UPACARA PENYAMPAIAN DIPLOMA KEPADA 137 ORANG PEGAWAI TENTERA TERMASUK 16 ORANG PEGAWAI TENTERA ASING YANG TAMAT MENGIKUTI KURSUS TURUS DI MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN DI SINI.

—BERSAMBUNG 1125/AH

B524

MAHATHIR - TENTERA 2 KUALA LUMPUR

PARA PEGAWAI TENTERA ASING YANG MENGIKUTI KURSUS 11 BULAN ITU IALAH DARI AUSTRALIA, BANGLADESH, GHANA, PAPUA NEW GUINEA, ARAB SAUDI, SINGAPURA, SUDAN, NEW ZEALAND, UNITED KINGDOM, INDONESIA, AMERIKA SYARIKAT, NEGERI THAI DAN PHILIPINA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU ANGKATAN TENTERA MENINGKATKAN LAGI MUTU PROFESIONALISMA PARA PEGAWAI DAN ANGGOTANYA BUKAN SAJA DALAM BIDANG TAKTIK KETENTERAAN TETAPI JUGA DALAM BIDANG PENGURUSAN.

KATANYA UKURAN YANG DIGUNAKAN BAGI MEMPERKUKUHKAN KEJAYAAN DALAM BIDANG PENGURUSAN MESTILAH MERANGKUMI DAYA USAHA ANGKATAN TENTERA MENYUMBANG TENAGA DALAM USAHA KERAJAAN MENGATASI MASALAH-MASALAH SOSIAL DAN EKONOMI.

+DENGAN SEBAB INILAH, MAKA PENGERTIAN YANG LEBIH MENDALAM MENGENAI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT ADALAH PENTING DAN PERLU MENJADI LATAR BELAKANG DALAM CARA PEMIKIRAN KITA, + TEGASNYA.

MENURUTNYA HANYA DENGAN MENUNJUKKAN KEBIJAKSANAAN DAN DEDIKASI DALAM CARA MELAKSANAKAN TUGAS SAHAJALAH ANGKATAN TENTERA AKAN BOLEH MENUNJUKKAN TAUHADAN BAHAWA PERTANAHAN NEGARA ADALAH UNTUK MEMENUHI KEPETTERLUAN SEMUA PIHAK DAN SAYUGIA MELIBATKAN MASYARAKAT.

—BERSAMBUNG 1130/AH

B528

MAHATHIR - TENTERA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PERLUNYA PERSEFAHAMAN DIWUJUDKAN ANTARA PARA PEGAWAI TENTERA DENGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM BAGI MEMASTIKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBESARAN ANGKATAN TENTERA DI LAKSANAKAN DENGAN LICIN DAN TERATUR.

KATANYA OLEH KERANA PERLAKSANAAN RANCANGAN PEMBESARAN ITU MELIBATKAN BERBAGAI-BAGAI AJENSI KERAJAAN YANG LAIN, PARA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERLU MEMAHAMI KEPERLUAN DAN MASALAH PERTAHANAN NEGARA DAN ANGKATAN TENTERA.

DALAM PADA ITU, PARA PEGAWAI TENTERA HENDAKLAH JUGA MEMAHAMI CARA-CARA DAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENTADBIRAN AWAM.

BELIAU YAKIN PERSEFAHAMAN INI AKAN MEMUNGKINKAN WUJUDNYA SIKAP YANG POSITIF YANG AKAN MENENTUKAN KELICINAN PERLAKSANAAN RANCANGAN PERKEMBANGAN ANGKATAN TENTERA.

TURUT HADIR JALAH TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN ABANG ABU BAKAR DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA, JEN. TAN SRI MOHAMAD GHAZALI DATUK MOHAMAD SETH, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN TAN SRI MOHAMAD YUSOF ABDUL RAHMAN, WAKIL-WAKIL KEDUTAAN ASING DAN PARA PEGAWAI TINGGI TENTERA.

—BERNAMA 1156/AH